

Kerajaan sedia cari premis 360 pelajar Kuktem

Berita Harian
7/6/02

KUANTAN, Khamis – Kerajaan Pahang sedia membantu mencarikan premis sesuai bagi menempatkan 360 pelajar kumpulan pertama yang memasuki Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) di sini, semen-

tara menunggu kampus kekalnya di Pekan, siap pada tahun 2005.

Pada masa ini, Kuktem menggunakan premis yang ditinggalkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Desa Samudera Indera Mahkota dan bercadang

berpindah ke bandar MEC di Gambang, Disember ini.

Bagaimanapun, cakangan berpindah ke bandar MEC tidak dapat dilaksanakan kerana sebab tertentu membabitkan perundungan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kampus kekal Kuktem berdekatan Pantai Lagenda di Pekan sangat menarik berdasarkan animasi yang ditunjukkan syarikat yang terbabit dalam kerja awal pembinaannya iaitu Green

Effect Sdn Bhd.

Beliau berkata, Kuktem menawarkan kursus yang memfokus kepada industri kimia dan petrokimia serta sumber asli dan industri pembuatan dan proses, dijangka mempunyai 10,000 pelajar pada 2010.